

RON95 turun tujuh sen, RON97, diesel kurang 9 sen

Kuala Lumpur: Harga runcit petrol RON95 turun tujuh sen kepada RM1.82 sen seliter manakala RON97 dan diesel masing-masing turun sembilan sen seliter kepada RM2.10 (RON97) dan RM1.87 (diesel).

Kementerian Kewangan melalui kenyataan semalam, menyatakan bahawa harga runcit produk petroleum berkenaan untuk tempoh 14 hingga 20 Mac ini.

Katanya, penetapan harga itu dibuat berdasarkan harga runcit produk petroleum secara minggu menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Ketidaktentuan harga minyak mentah dunia pada masa ini dipengaruhi oleh ketidaksefahaman pengeluaran antara negara pengeluar minyak dunia serta wabak COVID-19 yang memberi kesan kepada ekonomi global."

"Sebagai langkah menstabilkan harga minyak kepada pengguna selain mengimbangi ketidaktentuan hasil minyak kepada kerajaan, harga runcit bagi dua produk petrol RON95 dan diesel diturunkan," katanya.